

71

NO. SOALAN: 31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NG WEI AIK [ TANJONG ]**

**TARIKH : 7 MAC 2018**

**RUJUKAN : 10545**

**SOALAN:**

**Tuan Ng Wei Aik [ Tanjong ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan status siasatan terhadap Tan Sri Dzulkifli Ahmad, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berikutan dakwaan bahawa beliau terlibat dengan kesalahan-kesalahan di bawah Seksyen 498 Kanun Keseksaan.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

**PDRM telah menjalankan siasatan berkaitan penyebaran video dalam media sosial yang mendakwa Tan Sri Dzul kifli Ahmad, Ketua Pesuruhjaya SPRM di bawah Seksyen 498 Kanun Keseksaan (memikat atau membawa pergi atau menahan seorang perempuan yang bersuami dengan niat jenayah). Kertas siasatan telah dirujuk ke Jabatan Peguam Negara pada 17 dan 30 Oktober 2017. Walau bagaimanapun, kertas siasatan telah dikembalikan semula kepada PDRM untuk melengkapkan siasatan.**